

Umat Islam perlu perbetul ehwal dalam

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata, umat Islam sewajarnya memperbetulkan ehwal mereka terlebih dulu sebelum mampu menjadi obor petunjuk kepada umat manusia seperti umat Islam satu ketika dulu.

Perdana Menteri berkata, mutakhir ini, keharmonian di kalangan penganut agama yang berbeza di negara ini sedikit tercalar kerana ada pihak yang mahu mempolitikkan agama sama ada di kalangan penganut agama Islam atau bukan Islam.

"Ini bukan tindakan bertanggungjawab dan semua pihak seharusnya berhati-hati dan mengambil pendekatan bijaksana demi kestabilan nasional, malah itulah dituntut setiap ajaran agama.

"Bagi umat Islam, ternyata ini masalah dalaman yang walaupun tampak sukar dikawal urus, jalan penyelesaiannya memang ada dan wujud dengan kembali berpegang kepada ajaran Islam sebenar," katanya dalam ucapan perasmian Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam Di Nusantara, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamiil Khir Baharom serta Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; pengerusi konvensyen terbabit, Tan Sri Dr Yusuf Mohd Noor dan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Datuk Dr Muhammad Muda.

Pada majlis sama, Najib turut menyampaikan Tokoh Wasatiyyah 2011 kepada Rektor Pertama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Almarhum Tan Sri Prof Dr Muhammad Abdul Rauf.

Najib turut mempersoalkan kenapa umat Islam sebagai umat yang berrmaruah sanggup membenarkan Islam dipandang remeh dan diperkotak-katik lantaran ketidakmampuan mengurus masalah umat Islam itu sendiri.

Beliau juga mempertikaikan kenapa pihak ketiga yang selalunya bukan negara Islam diberi kepercayaan menjadi wasit rujukan atau pertelingkahan membabitkan rasuah, salah tadbir, salah urus dan ketidakcekapan sedangkan ajaran Islam seperti terkandung dalam al-Quran dan Sunnah mampu menjadi panduan yang jelas.

Beliau berkata, dalam negara yang berbilang kaum, polemik mengenai agama harus diurus dengan berhemah dan cermat.

Najib berkata pada zaman ini, masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya tinggal dan berinteraksi sesama mereka dalam sesebuah negara dan masyarakat antarabangsa, maka aspek perpaduan dan toleransi adalah faktor utama yang menjadi penyokong kepada pembangunan negara dan keamanan dunia.